



30 April 2026
30 April 2026
P.U. (A) 182

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH PEMASARAN IKAN
(PINDAAN) 2026

FISH MARKETING (AMENDMENT) RULES 2026

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA 1971
KAEDAH-KAEDAH PEMASARAN IKAN (PINDAAN) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(2) dan seksyen 23 Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 [*Akta 49*], Lembaga dengan kelulusan Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pemasaran Ikan (Pindaan) 2026**.

Pindaan kaedah 2

2. Kaedah-Kaedah Pemasaran Ikan 2010 [*P.U. (A) 104/2010*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 2 dengan menggantikan takrif “tempat keluar atau masuk yang sah” dengan takrif yang berikut:

‘ “tempat masuk atau keluar yang sah” ertinya mana-mana tempat yang ditentukan oleh Lembaga di bawah subkaedah 5(2A) sebagai suatu tempat masuk atau keluar yang sah bagi maksud eksport atau import ikan;’

Pindaan kaedah 3

3. Kaedah 3 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan subkaedah (1) dengan subkaedah yang berikut:

“(1) Lembaga boleh menentukan mana-mana tempat sebagai suatu pasar jualan borong atau pasar jualan runcit bagi maksud pemasaran ikan.”.

Pindaan kaedah 4

4. Perenggan 4(1)(a) Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “diwartakan” dengan perkataan “ditentukan”.

Pindaan kaedah 5

5. Kaedah 5 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subkaedah (2) dengan subkaedah yang berikut:

“(2) Apa-apa ikan yang hendak dieksport atau diimport hendaklah melalui tempat masuk atau keluar yang sah.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subkaedah (2) subkaedah yang berikut:

“(2A) Lembaga boleh menentukan mana-mana tempat sebagai suatu tempat masuk atau keluar yang sah.”.

Pindaan kaedah 12

6. Subkaedah 12(1) Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “diwartakan” dengan perkataan “ditentukan”.

Dibuat 19 Januari 2026
[KP/LA/8/4; PN(PU2)275/JLD.24]

TUAN HAJI MUHAMMAD FAIZ BIN DATO' HAJI FADZIL
Pengerusi
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

Diluluskan 6 April 2026
[KP/LA/8/4; PN(PU2)275/JLD.24]

DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU
Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA ACT 1971

FISH MARKETING (AMENDMENT) RULES 2026

IN exercise of the powers conferred by subsection 4(2) and section 23 of the Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Act 1971 [Act 49], the Lembaga with the approval of the Minister makes the following rules:

Citation

1. These rules may be cited as the **Fish Marketing (Amendment) Rules 2026**.

Amendment of rule 2

2. The Fish Marketing Rules 2010 [*P.U. (A) 104/2010*], which are referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended in rule 2 by substituting for the definition of “legal entry or exit point” the following definition:

‘ “legal entry or exit point” means any place as determined by the Lembaga under subrule 5(2A) as a legal entry or exit point for the purposes of export and import of fish;’.

Amendment of rule 3

3. Rule 3 of the principal Rules is amended by substituting for subrule (1) the following subrule:

“(1) The Lembaga may determine any place as a wholesale market or a retail market for the purposes of fish marketing.”.

Amendment of rule 4

4. Paragraph 4(1)(a) of the principal Rules is amended by substituting for the word “gazetted” the word “determined”.

Amendment of rule 5

5. Rule 5 of the principal Rules is amended—

(a) by substituting for subrule (2) the following subrule:

“(2) Any fish to be exported or imported shall pass through a legal entry or exit point.”; and

(b) by inserting after subrule (2) the following subrule:

“(2A) The Lembaga may determine any place as a legal entry or exit point.”.

Amendment of rule 12

6. Subrule 12(1) of the principal Rules is amended by substituting for the word “gazetted” the word “determined”.

Made 19 January 2026
[KP/LA/8/4; PN(PU2)275/JLD.24]

TUAN HAJI MUHAMMAD FAIZ BIN DATO’ HAJI FADZIL
Chairman
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

Approved 6 April 2026
[KP/LA/8/4; PN(PU2)275/JLD.24]

DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU
Minister of Agriculture and Food Security